A

Ashley Roland Robern lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-09(H)-307–08 TAHUN 2022, B-09(H)-308–08 TAHUN 2022 DAN B-09(H)-309–08 TAHUN 2022

HADHARIAH SYED ISMAIL, SEE MEE CHUN DAN AZMI ARIFFIN HHMR

C 4 SEPTEMBER 2023

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Perayu dituduh dengan tiga pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan kerana merogol dan satu pertuduhan di bawah s 377C Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan
D *luar tabii — Perayu mengaku salah dan sabitan direkodkan — Perayu dijatuhkan hukuman lima tahun penjara dan satu sebatan bagi setiap satu pertuduhan oleh mahkamah sesyen — Mahkamah Tinggi menolak rayuan perayu dan membenarkan rayuan silang pendakwa raya — Sama ada hukuman sepadan dengan kesalahan dilakukan perayu*

E

Pada 1 Jun 2021 jam lebih kurang 12.30 malam, pengadu mendapati mangsa yang berumur 15 tahun semasa kejadian masih tidak pulang ke rumah setelah pergi bermain papan luncur pada 31 Mei 2021 jam lebih kurang 11.30 malam. Pengadu telah melaporkan kehilangan mangsa di Balai Polis Seksyen 9 Shah
F Alam. Pada 4 Jun 2021 jam lebih kurang 5.15 pagi, pasukan polis telah pergi ke alamat 20–23–2 Suria Jaya Condo, Shah Alam ('Suria Jaya Condo') dan menjumpai tertuduh dan mangsa berada di dalam rumah tersebut. Mangsa telah diserahkan kepada pengadu dan pengadu mendapati keadaan mangsa pada ketika itu lemah dan telah membawa mangsa ke Hospital Shah Alam
G untuk melakukan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan mangsa mendapati terdapat koyakan baru pada 'hymen' mangsa. Mangsa telah berkenalan dengan tertuduh melalui aplikasi Instagram dan telah berjumpa buat kali pertama pada bulan November 2020 jam lebih kurang 4 petang di satu taman permainan ('taman permainan'). Tertuduh pada ketika itu telah memaksa
H mangsa menghisap zakarnya. Pada 31 Mei 2021 jam lebih kurang 10 malam, mangsa telah memaklumkan kepada ibunya bahawa mangsa ingin bermain papan luncur di taman permainan tersebut. Semasa berada di taman permainan tersebut, tertuduh telah datang dan membawa mangsa ke Suria Jaya Condo. Tertuduh telah merogol mangsa sebanyak tiga kali iaitu pada 1 Jun
I 2021, 2 Jun 2021 dan 4 Jun 2021. Perayu telah dituduh di Mahkamah Sesyen Klang dengan tiga pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan kerana merogol dan satu pertuduhan di bawah s 377C Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan luar tabii ke atas mangsa. Perayu mengaku salah dan sabitan ke atas perayu direkodkan. Hakim mahkamah sesyen telah

menjatuhkan hukuman lima tahun pemenjaraan dan satu sebatan bagi setiap satu pertuduhan terhadap perayu. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu dan pendakwa raya masing-masing telah menfailkan rayuan. Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan perayu dan membenarkan rayuan silang pendakwa raya terhadap perintah yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen. Terkilan, perayu telah memfailkan rayuan ini terhadap kesemua hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Hakim mahkamah sesyen telah menimbangkan semua faktor semasa menjatuhkan hukuman. Tidak ada apa-apa kesilapan yang telah dilakukan oleh beliau. Malah hakim Mahkamah Tinggi juga di dalam alasan pengkakimannya turut mengakui bahawa tiada apa-apa kekhilafan yang dilakukan oleh hakim mahkamah sesyen dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu, cuma hakim Mahkamah Tinggi sekadar berpandangan bahawa hukuman yang diberikan tersebut adalah agak ringan sahaja. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen wajar dikekalkan dan tidak sepatutnya diggangu oleh hakim Mahkamah Tinggi. Tempoh pemenjaraan yang lama bukan cara yang terbaik untuk membentuk atau mengubah perayu menjadi insan yang lebih baik. Oleh itu, hukuman lima tahun pemenjaraan dan satu sebatan bagi setiap satu pertuduhan terhadap perayu yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen dikembalikan manakala hukuman tujuh tahun pemenjaraan yang diberikan oleh hakim Mahkamah Tinggi diketepikan (lihat perenggan 20–22).

[English summary

On 1 June 2021 at approximately 12.30pm, the complainant found that the victim, who was 15 years old at the time of the incident, still did not return home after going skateboarding on 31 May 2021 at approximately 11.30pm. The complainant had reported the victim missing at Shah Alam Section 9 Police Station. On 4 June 2021 at approximately 5.15am, the police team went to the address 20–23–2 Suria Jaya Condo, Shah Alam ('Suria Jaya Condo') and found the accused and the victim in the house. The victim was handed over to the complainant and the complainant found that the victim's condition at that time was weak and took the victim to Shah Alam Hospital for examination. The result of the victim's examination found that there was a new tear on the victim's hymen. The victim met the accused through the Instagram application and met for the first time in November 2020 at approximately 4pm at a playground ('the playground'). The accused at that time had forced the victim to suck his penis. On 31 May 2021 at approximately 10pm, the victim informed his mother that the victim wanted to play skateboarding at the playground. While at the playground, the accused came and took the victim to Suria Jaya Condo. The accused raped the victim three times on 1 June 2021, 2

June 2021 and 4 June 2021. The appellant was charged in the Klang sessions court with three charges under s 376(1) of the Penal Code for rape and one charge under s 377C of the Penal Code for committing carnal intercourse against the order of nature on the victim. The appellant pleaded guilty and the appellant's conviction was recorded. The sessions court judge sentenced the appellant to five years' imprisonment and one stroke for each charge. Aggrieved by the decision, the appellant and the prosecutor had each filed an appeal. The High Court judge dismissed the appellant's appeal and allowed the prosecutor's cross-appeal against the order passed by the session court judge. Aggrieved, the appellant had filed this appeal against all the sentences handed down by the High Court.

Held, allowing the appeal:

(1) The sessions court judge had considered all factors when sentencing. There was no mistake made. In fact, the High Court judge also in his reasoning also admitted that there was no mistake made by the sessions court judge in sentencing the appellant, but the High Court judge was simply of the opinion that the sentence given was relatively light. Therefore, the sentence handed down by the sessions court judge should be upheld and should not be interfered with by the High Court judge. A long period of imprisonment was not the best way to mould or change the appellant into a better person. Therefore, the sentence of five years' imprisonment and one stroke for each charge against the appellant handed down by the session court judge was restored while the sentence of seven years' imprisonment given by the High Court judge was set aside (see paras 20–22).]

Kes-kes yang dirujuk

LCY v TWY [2019] 4 MLJ 203; [2019] 7 CLJ 158, MR (dirujuk)
Mohd Salleh bin Mk Mohd Yusof v PP [2005] 4 MLJ 733; [2005] 2 CLJ 655, MR (dirujuk)
PP v Ling Leh Hoe [2015] MLJU 1006; [2014] 4 CLJ 869, MR (dirujuk)
Thanabalan a/l Krishnan v Pendakwa Raya [2010] MLJU 1189; [2011] CLJ 343, MR (dirujuk)
Tukiran bin Taib v PP [1955] 1 MLJ 24; [1955] 1 MLRH 480 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ss 26, 27
Kanun Keseksaan ss 376(1), 377C

Rayuan daripada:*Pendakwa Raya lwn Ashley Roland Robern* [2022] MLJU 2068 dan *Pendakwa Raya lwn Ashley Roland Robern* [2022] MLJU 2067 (Mahkamah Tinggi, Klang)

Khairul Naim Rafidi (Messrs Khairul Naim Rafidi) bagi pihak perayu.
Aznee Salmi bt Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

PENGENALAN

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Sesyen Klang dengan tiga pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan kerana merogol dan satu pertuduhan di bawah s 377C Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan luar tabii ke atas seorang kanak-kanak perempuan berumur 15 tahun satu bulan semasa kejadian.

PERTUDUHAN

[2] Pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

Kes Tangkap No BL-62JSK-426–06/2021

Bahawa kamu pada bulan November tahun 2020 jam lebih kurang 4.00 petang di Sebuah Papan Gelongsor Di Taman Permainan, Jalan Magnesium 71104, 40000 Shah Alam, di dalam daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan dengan memasukkan zakar ke dalam mulut XXX No. KP: 060407-xx-xxxx. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 377C Kanun Keseksaan.

Hukuman:

Penjara selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dua puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat.

Kes Tangkap No BL-62JSK-425–06/2021

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 1/6/2021 jam lebih kurang 8.00 pagi di Alamat 20–23–2 Suria Jaya Condo, Jalan Padang Jawa, Kg Padang Jawa 40200 Shah Alam Selangor, di dalam daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah merogol seorang kanak-kanak XXX No. KP: 060407-xx-xxxx yang berumur 15 tahun 1 bulan semasa kejadian. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

Hukuman:

Hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 2/6/2021 jam lebih kurang 11.00 malam di Alamat 20–23–2 Suria Jaya Condo, Jalan Padang Jawa Kg Padang Jawa 40200 Shah Alam Selangor, di dalam daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah merogol

A seorang kanak-kanak XXX No. KP: 060407-xx-xxxx yang berumur 15 tahun 1 bulan semasa kejadian. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

Hukuman:

B Hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 4/6/2021 jam lebih kurang 2.00 pagi di Alamat 20–23–2 Suria Jaya Condo, Jalan Padang Jawa Kg Padang Jawa 40200 Shah Alam Selangor, di
C dalam daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah merogol seorang kanak-kanak XXX No. KP: 060407-xx-xxxx yang berumur 15 tahun 1 bulan semasa kejadian. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

Hukuman:

D Hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat.

[3] Perayu memahami keempat-empat pertuduhan tersebut yang telah
E dibacakan dan diterangkan kepada beliau di dalam Bahasa Malaysia. Perayu mengaku salah dan memahami sifat dan akibat pengakuan salahnya itu.

FAKTA KES SECARA RINGKAS

F **[4]** Fakta kes bagi pertuduhan di bawah s 377C Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

Pada 1/6/2021 jam lebih kurang 12.30 malam, pengadu mendapati mangsa iaitu XXX No. KP: 060407-xx-xxxx yang berumur 15 tahun 1 bulan semasa kejadian masih tidak pulang ke rumah setelah pergi bermain papan luncur pada 31/5/2021 jam lebih kurang 11.30 malam. Pengadu telah melaporkan kehilangan mangsa di
G Balai Polis Seksyen 9 Shah Alam seperti mana laporan polis Seksyen 6/5353/2021.

Pada 4/6/2021 jam lebih kurang 5.15 pagi, ASP Farouq Fakhzan bin Mohd Nordin bersama pasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah IPD Shah Alam telah pergi ke alamat 20–23–2 Suria Jaya, Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor dan menjumpai Roland Roben (Tertuduh) dan mangsa berada di dalam rumah
H tersebut.

Mangsa telah dibawa balik ke IPD Shah Alam dan pengadu telah dimaklumkan berkenaan mangsa telah dijumpai. Mangsa telah diserahkan kepada pengadu dan pengadu mendapati keadaan mangsa pada ketika itu lemah dan telah membawa mangsa ke Hospital Shah Alam untuk melakukan pemeriksaan. Pengadu telah
I membuat laporan polis kerana mengesyaki mangsa telah dirogol sepertimana Laporan Polis Sri Muda/12833/2021.

Kes telah disiasat oleh Insp Nur Hazimah bt Abu Bakar. Hasil siasatan mendapati mangsa telah berkenalan dengan Tertuduh melalui aplikasi Instagram. Mangsa dan tertuduh telah berjumpa buat kali pertama pada bulan November 2020 jam lebih

kurang 4 petang di taman permainan bertempat di Jalan Magnesium 7/104, 40000 Shah Alam, Selangor. Tertuduh pada ketika itu telah memaksa mangsa menghisap zakarnya. Semasa kejadian, hanya tertuduh dan mangsa sahaja yang berada di taman permainan tersebut.

[5] Fakta kes bagi ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

Pada 1/6/2021 jam lebih kurang 12.30 malam, pengadu mendapati mangsa iaitu XXX No. KP: 060407-xx-xxxx yang berumur 15 tahun 1 bulan semasa kejadian masih tidak pulang ke rumah setelah pergi bermain papan luncur pada 31/5/2021 jam lebih kurang 11.30 malam. Pengadu telah melaporkan kehilangan mangsa di Balai Polis Seksyen 9 Shah Alam sepertimana laporan polis Seksyen 6/5353/2021.

Pada 4/6/2021 jam lebih kurang 5.15 pagi, ASP Farouq Fakhzan bin Mohd Nordin bersama pasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah IPD Shah Alam telah pergi ke alamat 20–23–2 Suria Jaya, Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor dan menjumpai Ashley Roland Rabern (Tertuduh) dan mangsa sahaja yang berada di dalam rumah tersebut.

Mangsa telah dibawa balik ke IPD Shah Alam dan pengadu telah dimaklumkan berkenaan mangsa telah dijumpai. Mangsa telah diserahkan kepada pengadu dan pengadu mendapati keadaan mangsa pada ketika itu lemah dan telah membawa mangsa ke Hospital Shah Alam untuk melakukan pemeriksaan. Pengadu telah membuat laporan polis kerana mengesyaki mangsa telah dirogol sepertimana Laporan Polis Sri Muda/12833/2021.

Hasil pemeriksaan mangsa di Jabatan Obstetrik & Ginekologi Hospital Shah Alam mendapati terdapat koyakan baru pada 'hymen' mangsa iaitu koyakan penuh pada jam 5 dan 7 dan koyakan sebahagian pada jam 1 dan 9.

Kes telah disiasat oleh Insp Nurhazimah bt Abu Bakar. Hasil siasatan mendapati pada 31/5/2021 jam lebih kurang 10.00 malam, mangsa telah memaklumkan kepada ibunya bahawa mangsa ingin bermain papan luncur di taman permainan tersebut. Semasa berada di taman permainan tersebut, Tertuduh telah datang dan membawa mangsa ke alamat 20–23–2, Suria Jaya Condo, Jalan Padang Jawa, Kampung Padang Jawa, 40200 Shah Alam, Selangor.

Pada jam 1/6/2021 jam lebih kurang 8.00 pagi bertempat di unit kondo tersebut, Tertuduh telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa dan kemudiannya memancutkan air mani ke atas badan mangsa. Pada 2/6/2021 jam lebih kurang 11.00 malam di unit kondo yang sama, Tertuduh telah membuka baju mangsa dan memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa. Tertuduh kemudiannya telah memancutkan air mani ke atas badan mangsa. Seterusnya pada 4/6/2021 jam lebih kurang 2.00 pagi bertempat di kondo yang sama, Tertuduh telah membuka baju mangsa dan membogelkan mangsa. Tertuduh kemudiannya telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa. Hasil siasatan pegawai penyiasat mendapati Tertuduh telah merogol mangsa yang ketika itu berumur 15 tahun 1 bulan sebanyak 3 kali iaitu 1/6/2021, 2/6/2021 dan 4/6/2021.

[6] Fakta kes diakui benar oleh perayu. Sabitan ke atas perayu direkodkan. Rayuan peringanan hukuman perayu dan penghujahan balas pihak pendakwaan telah dibuat oleh kedua-dua pihak.

[7] Pegawai Kebajikan Masyarakat Puan Hazeline bt Hasbi telah mengangkat sumpah dan mengemukakan laporan sosial tertuduh. Laporan sosial tersebut telah dibacakan di dalam Bahasa Malaysia bersama pindaan kepada perayu dan diakui benar oleh perayu.

HUKUMAN OLEH HAKIM MAHKAMAH SESYEN

[8] Setelah mendengar rayuan meringankan hukuman dan penghujahan balas oleh pihak pendakwaan atas hukuman, hakim mahkamah sesyen telah menjatuhkan hukuman terhadap perayu seperti berikut:

Kes Tangkap No BL-62JSK-426–06 Tahun 2021 (s 377C Kanun Keseksaan):

(a) pemenjaraan lima tahun dan satu sebatan rotan;

(b) pemenjaraan bermula satelah selesai menjalani hukuman pemenjaraan bagi kes tangkap nombor BL-62JSK-425–06 Tahun 2021; dan

(c) perayu diperintahkan untuk menjalani kaunseling di bawah s 26 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 selama tempoh pemenjaraan dan juga diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas menjalani hukuman pemenjaraan sebagaimana s 27 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Kes Tangkap No BL-62JSK-425–06 Tahun 2021:

(a) pertuduhan pertama: pemenjaraan lima tahun dan satu sebatan rotan;

(b) pertuduhan kedua: pemenjaraan lima tahun dan satu sebatan rotan;

(c) pertuduhan ketiga: pemenjaraan lima tahun dan satu sebatan rotan;

(d) ketiga-ketiga pemenjaraan di atas berjalan secara serentak dari tarikh jatuh hukum (8 Februari 2022); dan

(e) perayu diperintahkan untuk menjalani kaunseling di bawah s 26 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 selama tempoh pemenjaraan dan juga diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas menjalani hukuman pemenjaraan sebagaimana s 27 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

[9] Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu dan pendakwa raya masing-masing telah menfailkan rayuan terhadap perintah hakim mahkamah sesyen bagi kedua-dua kes tersebut ke Mahkamah Tinggi Klang, Selangor.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI

[10] Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan perayu dan membenarkan rayuan silang pendakwa raya terhadap perintah yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen dengan memerintahkan seperti berikut:

(a) rayuan oleh perayu (Rayuan Jenayah No BL-42JSKH-9–02 Tahun 2022) terhadap perintah hakim mahkamah sesyen bagi Kes Tangkap No BL-62JSK-426–06 Tahun 2021, ditolak. Hukuman dan perintah mahkamah sesyen bertarikh 8 Februari 2022 dikekalkan. Perintah bagi kaunseling dan pengawasan polis oleh hakim mahkamah sesyen dikekalkan;

(b) rayuan oleh perayu (Rayuan Jenayah No BL-42JSKH-7–02 Tahun 2022) terhadap perintah hakim mahkamah sesyen bagi Kes Tangkap No BL-62JSK-425–06 Tahun 2021 ditolak. Rayuan silang pendakwa raya dibenarkan. Hukuman dan perintah mahkamah sesyen bertarikh 8 Februari 2022 diketepikan dan digantikan dengan tujuh tahun pemenjaraan dan satu kali sebatan rotan bagi setiap tiga pertuduhan;

(c) rayuan oleh pendakwa raya (Rayuan Jenayah No BL-42JSKH-6–02 Tahun 2022) terhadap perintah hakim mahkamah sesyen bagi Kes Tangkap No BL-62JSK-425–06 Tahun 2021 dibenarkan. Rayuan silang perayu ditolak. Hukuman dan perintah mahkamah sesyen bertarikh 8 Februari 2022 diketepikan dan digantikan dengan tujuh tahun pemenjaraan dan sekali sebatan rotan bagi setiap tiga pertuduhan; dan

(d) hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan berjalan serentak dan perintah bagi kaunseling dan pengawasan polis oleh hakim mahkamah sesyen dikekalkan.

[11] Terkilan dengan keputusan hakim Mahkamah Tinggi tersebut, maka pada 4 Ogos 2022, perayu telah memfailkan rayuan terhadap kesemua hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi di atas ke Mahkamah Rayuan ini.

PRINSIP UNDANG-UNDANG BERKAITAN HUKUMAN

[12] Di dalam *Public Prosecutor v Ling Leh Hoe* [2015] MLJU 1006; [2014] 4 CLJ 869, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

A [14] The appellate court can and will interfere in the sentence imposed by the lower court if it is satisfied that any of the following four grounds are made out:

(a) the sentencing judge had made a wrong decision as to the proper factual basis for the sentence;

B (b) there had been an error on the part of the trial judge in appreciating the material facts placed before him;

(c) the sentence was wrong in principle; or

(d) the sentence imposed was manifestly excessive or inadequate.

C (See *R v Ball* [1951] 35 Cr App R 164; *Loo Weng Fatt v Public Prosecutor* [2001] 3 SLR 313 at para [65]; *Public Prosecutor v UI* [2008] 4 SLR R 500).

[13] Di dalam kes *Tukiran bin Taib v Public Prosecutor* [1955] 1 MLJ 24; [1955] 1 MLRH 480, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

D However, as I stated earlier, the accused is at most 18 years old — he is said to look very much younger and he is furthermore a first offender. It has been stressed by this court that it is very desirable that young offenders, that is, offenders between the ages of 17 and 21, who are also first offenders should be kept out of prison, if possible. The Magistrate does not appear to have taken into consideration at all. I E consider that it would be more beneficial to the accused, and in the long run to the community at large.

[14] Di dalam kes *Mohd Salleh bin Mk Mohd Yusof v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 733; [2005] 2 CLJ 655, mangsa masing-masing berusia 15 dan F 14 tahun. Terdapat kerelaan oleh kedua-dua mangsa ini untuk melakukan hubungan seksual dengan tertuduh yang telah memperdayakan kedua-dua mangsa ini untuk mempercayai bahawa tertuduh ini adalah penerbit filem dan bomoh. Tertuduh berjaya memujuk kedua-dua mangsa ini untuk bersetuju untuk mengadakan hubungan seksual dengannya. Hakim mahkamah sesyen G telah mengenakan hukuman pemenjaraan selama lima 1/2 tahun bagi setiap kesalahan. Mahkamah Tinggi kemudiannya telah menaikkan hukuman kepada pemenjaraan selama sepuluh tahun dan tiga sebatan rotan. Namun begitu, Mahkamah Rayuan telah mengambil kira persetujuan yang diberikan oleh mangsa dan mengembalikan hukuman yang diberikan oleh mahkamah H sesyen.

[15] Di dalam kes *Thanabalan a/l Krishnan v Pendakwa Raya* [2010] MLJU 1189; [2011] CLJ 343, Mahkamah Rayuan melalui Zaharah Ibrahim HMR (beliau pada ketika itu) di dalam menyampaikan penghakiman mahkamah I menyatakan seperti berikut:

[17] Dalam kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572, YA Augustine Paul HMR (ketika itu), yang menyampaikan keputusan mahkamah ini, setelah merujuk kepada beberapa kes, telah menjelaskan bahawa walaupun lazim diterima bahawa seseorang tertuduh yang mengaku

bersalah patut diberi pengurangan hukuman sehingga kira-kira sepertiga daripada hukuman yang akan dijatuhkan jika tidak kerana pengakuan bersalah itu, namun itu bukanlah suatu kaedah yang ketat. Mahkamah boleh, dalam menjalankan kuasa budi bicaranya, enggan untuk memberikan diskaun itu dalam hal keadaan yang sesuai, bergantung kepada fakta dan keadaan setiap kes. Kata beliau, hal keadaan yang tidak mewajarkan pengakuan bersalah diberi pertimbangan dalam menjatuhkan hukuman berbeza-beza. Antaranya:

(a) apabila kesalahan yang dilakukan sangat serius;

(b) apabila kepentingan awam menuntut hukuman pencegahan;

(c) apabila tertuduh langsung tiada pembelaan terhadap pertuduhan;

(d) apabila pengakuan bersalah dibuat terlalu lewat semasa perbicaraan; dan

(e) apabila tiada faktor peringanan yang memihak kepada tertuduh, seperti kewujudan sabitan terdahulu.

[16] Akhir sekali, menyentuh mengenai prinsip yang sama, di dalam kes *LCY v TWY* [2019] 4 MLJ 203; [2019] 7 CLJ 158, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Tun Tengku Maimun Tuan Mat HMR (kini KHN) menyatakan seperti berikut:

[26] The principle of law on appellate intervention is settled. In *Dream Property Sdn Bhd v Atlas Housing Sdn Bhd* [2015] 2 MLJ 441; [2015] 2 CLJ 453, the Federal Court reiterated the principle as follows at p 464 (MLJ); p 476 (CLJ):

> [60] It is now established that the principle on which an appellate court interfere with findings of fact by the trial court is 'the plainly wrong test' principle; see the Federal Court in *Gan Yook Chin & Anor (P) v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Anor* [2005] 1 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309 (at p 10) per Steve Shim CJ SS. More recently, this principle of appellate intervention was affirmed by the Federal Court in *UEM Group Berhad v Genisys lntergrated Engineers Pte Ltd* [2018] supp MLJ 363; [2010] 9 CLJ 785 where it was held at p 375 (MLJ); p 800 (CLJ):
>
> > It is well settled law that an appellate court will not generally speaking intervene with the decision of a trial court unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. A plainly wrong decision happens when the trial court is guilty of no or insufficient judicial appreciation of the evidence (see *Chew Yee Wah & Anor v Choo Ah Pat* [1978] 2 MLJ 41b; [1978]1 LNS 32; *Watt v Thomas* [1947] AC 484; and *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309).

KEPUTUSAN KAMI

[17] Kami telah meneliti laporan sosial perayu (kandungan 8 Rekod Rayuan Jld 4 m/s 69–81). Laporan tersebut telah disediakan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat, Selangor. Namun di sini kami tidak berhasrat untuk membentangkan dan mengupas laporan tersebut. Memadai bagi kami

menyatakan bahawa laporan tersebut adalah penting untuk diberikan pertimbangan bagi kami menentukan hukuman yang sepadan dengan kesalahan yang dilakukan oleh perayu.

[18] Selain daripada laporan sosial tersebut, peguam perayu juga meminta kami untuk mengambil kira beberapa faktor-faktor yang lain seperti:

(a) usia perayu yang dalam lingkungan 18 tahun ketika kejadian ini berlaku;

(b) pesalah muda. Tidak mempunyai rekod kesalahan juvana yang lampau;

(c) cemerlang di dalam akademik dan aktif di dalam aktiviti kokurikulum dan sebagainya;

(d) keputusan terkini SPM perayu yang sangat baik;

(e) pengakuan salah perayu telah menjimatkan masa dan kos mahkamah serta pihak-pihak terlibat di mana saksi-saksi tidak perlu hadir untuk memberikan keterangan. Ia juga mempercepatkan proses pendengaran perbicaraan;

(f) ketiadaan unsur paksaan atau keganasan fizikal yang dilakukan terhadap mangsa;

(g) perayu dan mangsa merupakan pasangan kekasih;

(h) perayu mempunyai kelakuan yang baik dan mempunyai potensi cemerlang untuk berjaya; dan

(i) perayu wajar diberikan peluang untuk kembali ke masyarakat.

[19] Disebaliknya, pendakwa raya di dalam penghujahan balasnya, antara lainnya menyatakan seperti berikut:

(a) keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh perayu;

(b) pesalah pertama dan pengakuan salah bukan *ipso facto* memberikan hak kepada perayu untuk mendapat peringanan hukuman; dan

(c) kepentingan awam mengatasi kepentingan individu.

[20] Berpandukan kepada prinsip undang-undang berkaitan hukuman yang dizahirkan melalui nas-nas perundangan yang telah diputuskan dan setelah meneliti kandungan rekod rayuan serta mendengar penghujahan lisan kedua-dua pihak, kami mendapati hakim mahkamah sesyen telah menimbangkan semua faktor semasa menjatuhkan hukuman. Tidak ada apa-apa kesilapan yang telah dilakukan oleh beliau. Malah hakim Mahkamah Tinggi juga di dalam alasan penghakimannya (kandungan 5 Rekod Rayuan Jld 1 m/s 12) turut mengakui bahawa tiada apa-apa kekhilafan yang dilakukan

oleh hakim mahkamah sesyen dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu, cuma hakim Mahkamah Tinggi sekadar berpandangan bahawa hukuman yang diberikan tersebut adalah agak ringan sahaja.

[21] Oleh itu, kami bersetuju dengan penghujahan peguam perayu bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen wajar dikekalkan dan tidak sepatutnya diganggu oleh hakim Mahkamah Tinggi. Tempoh pemenjaraan yang lama bukan cara yang terbaik untuk membentuk atau mengubah perayu menjadi insan yang lebih baik.

[22] Rayuan perayu dibenarkan. Hukuman lima tahun pemenjaraan dan satu sebatan bagi setiap satu pertuduhan terhadap perayu yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen dikembalikan (*restored*). Hukuman tujuh tahun pemenjaraan yang diberikan oleh hakim Mahkamah Tinggi diketepikan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh